**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**
**CAWANGAN LATIHAN DAN INOVASI**
TKT. 2 DAN 3, MENARA PJD,
NO. 50, JALAN TUN RAZAK,
50400 KUALA LUMPUR

Telefon (TO) : (+603) 2610 8888
(TT) : (+603) 2618 7936
Faksimili : (+603) 4041 1866
Laman Web : https://www.jkr.gov.my

Ruj. Kami : (45) PKR.CLI.700.104/006 Jld 13
Tarikh : 11 Mei 2016

**Senarai Edaran Seperti Di Lampiran A**

Tuan/puan

**PROGRAM LATIHAN JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA TAHUN 2016**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Tuan/Puan (nama seperti di **Lampiran A**) adalah dipilih untuk menyertai kursus seperti berikut :

| | | |
|---|---|---|
| Program | : | **KEJURUTERAAN MEKANIKAL** |
| Kursus | : | **PENYELIAAN PEMASANGAN SISTEM MEKANIKAL DI TAPAK BINA** |
| Tarikh | : | **23 – 25 MEI 2016** |
| Tempat | : | **BILIK LATIHAN JKR WOKSYOP PERSEKUTUAN** |
| Penginapan | : | **TIDAK DISEDIAKAN** |
| Makan/Minum | : | **DISEDIAKAN** |

3. Sehubungan dengan itu, iteneri kursus dilampirkan bersama di **Lampiran B.**

4. Pendaftaran peserta kursus akan dibuat pada **23 Mei (Isnin)** bermula jam **8.00 pagi**. Kedatangan Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN.** Sila sahkan kehadiran secara online di laman web ***http:latihan.jkr.gov.my***.

5. Bagi peserta yang tidak dapat menghadiri kursus berkenaan, sila kemukakan surat tunjuk sebab di atas ketidakhadiran tuan / puan ke pejabat ini yang ditandatangani oleh Ketua Bahagian/ Unit tuan/ puan sebelum atau pada 20 Mei 2016. Untuk makluman Tuan/Puan, selaras dengan keputusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia JKR yang dipengerusikan oleh KPKR bertarikh 25 Jun 2015 memutuskan **ketidakhadiran ke kursus induk tanpa sebab munasabah akan mengakibatkan penalti pemotongan 5% Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) pegawai tersebut.**

6. Bagi pematuhan Prosedur Pengurusan Kompetensi, Latihan & Kesedaran (JKR.PK(P).09), Tuan/Puan **dikehendaki mengisi Borang JKR.PK(P).09-G Laporan Penilaian Keberkesanan Latihan (Lampiran G) dan Borang JKR.PK(P).09-J Penilaian Prestasi Pegawai Selepas Latihan (Lampiran J)** selepas kursus melalui Sistem Latihan JKR masing-masing dan menghantar cetakan borang tersebut kepada ketua PPKL Cawangan/Negeri tuan/puan untuk tujuan rekod.

Ruj. Kami : (45) PKR.CLI.700.104/006 Jld 13
Tarikh : 11 Mei 2016

7. Sokongan dan komitmen tuan/puan untuk meningkatkan kompetensi tuan/puan dan seterusnya menjayakan kursus ini amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan sila hubungi **Halimatun binti Mohd Sharaffudin** email **halimatunMS@jkr.gov.my**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**ANISAH BINTI IDRIS**
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Latihan dan Kompetensi,
Ibu Pejabat JKR Malaysia

**S.k:**

Fail Timbul

Pengarah Kanan,
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal,
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 24-28, Blok G, No 6,
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur
**(u/p : Pegawai Pembangunan Kompetensi & Latihan)**

CERTIFICATED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4001

CERTIFICATED TO ISO 14001:2004
CERT. NO. : ER 0281

CERTIFICATED TO OHSAS 18001:2007
CERT. NO. : SR 0802

CERTIFICATED TO ISO 50001:2001
CERT. NO. : EnR0013